

## TINGKATAN 4

### **Unit 1 : Norma Masyarakat**

1. Norma - peraturan / ketentuan yang menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat
2. Norma masyarakat - perilaku / tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya.
3. Bahasa badan - Cara berkomunikasi melalui gaya duduk, berjalan, mimik muka dan sebagainya serta bukannya melalui pertuturan.
4. Hedonisme - pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup sahaja

### **Unit 2 : Peribadi Mulia Hiasan Diri**

1. Berkeperibadian mulia - memerlukan nilai murni dari segi perlakuan moral, emosi moral dan perlakuan moral
2. Keperibadian mulia - sifat baik dan terpuji yang dimiliki oleh individu

### **Unit 3 : Prinsip Keadilan & Keprihatinan**

1. Prinsip keadilan - Sikap dan tingkah laku individu dalam hubungan antara manusia untuk menegakkan kesaksamaan dengan keseimbangan dalam pemikiran, pertuturan, perasaan dan perlakuan.
2. Prinsip keprihatinan - Perlakuan yang memberikan pertimbangan moral dalam melaksanakan peranan atau kewajipan terhadap orang lain dan mempertimbangkan kepentingan orang lain dalam situasi yang dihadapi

#### **Unit 4 : Penggunaan Teknologi Maklumat dan Berkomunikasi Secara Beretika**

1. Teknologi maklumat dan komunikasi - sistem yang membolehkan pengumpulan, pengurusan, manipulasi, perolehan dan komunikasi maklumat dalam pelbagai bentuk.
2. Hak cipta - Hak eksklusif bagi seseorang pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. (karya seni, filem, karya muzik)

#### **Unit 5 : Mantap Integriti Mantaplah Jati diri**

1. Integriti - menyeluruh, sempurna, tulen & tidak berubah
2. Integriti individu - sifat utama yang dapat melahirkan jati diri produktif dan berkualiti dalam setiap perlakuan
3. Pelan Antirasuah Nasional (NCP) - dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti

#### **Unit 6 : Keluarga Berintegriti**

1. Keluarga - unit asas yang berkait rapat dengan integriti dalam membentuk sikap & perlakuan mulia setiap anggotanya
2. Integriti keluarga - pembinaan keluarga yang bahagia, utuh dan penyayang berdasarkan nilai murni.

#### **Unit 7 : Berperikemanusiaan**

1. Perikemanusiaan - sifat yang wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong-menolong dan mengasihani.

## **Unit 8 : Hak & Tanggungjawab Warganegara**

1. Hak - kuasa atas sesuatu / kuasa melakukan sesuatu yang ditentukan mengikut peraturan dan undang-undang negara
2. Tanggungjawab - kesanggupan warganegara untuk melaksanakan tugas kewajipan dalam menjaga kedaulatan negara

## **Unit 9 : Perpaduan**

1. Perpaduan - penyatuan masyarakat dalam membentuk satu identiti nasional dan nilai bersama.

## **Unit 10 : Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika**

1. Pengurusan perbelanjaan secara beretika - cara wang dibelanjakan dan diuruskan dengan berhemah untuk mendapatkan sesuatu barangan dan perkhidmatan

## **Unit 11 : Keunikan Rakyat Malaysia**

1. Polarisasi - keadaan terdapatnya atau proses berlakunya dua pihak yang mempunyai prinsip dan pendapat yang bertentangan sama sekali

## **Unit 12 : Kedaulatan Negara**

1. Negara berdaulat - negara yang bebas daripada penjajahan dan berupaya untuk menguruskan hal ehwal negara secara bebas tanpa campur tangan daripada mana-mana negara lain

2. Subversif - perbuatan yang bertujuan untuk melemahkan atau memusnahkan sesuatu sistem politik atau kerajaan.

## TINGKATAN 5

### **Unit 1 : Norma Masyarakat Global**

1. Masyarakat global - individu dalam komuniti dunia yang saling berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain
2. Norma masyarakat global - perlakuan yang ditunjukkan oleh anggota masyarakat dunia berasaskan peraturan sosial yang diterima dan dikongsi bersama

### **Unit 2 : Ukir Nama di Mata Dunia**

1. Glokal - gabungan perkataan global dan lokal
2. Global - sejagat
3. Lokal - setempat
4. Individu glokal - seseorang yang mampu berdaya saing pada peringkat global tetapi berakar umbi pada jati diri lokal, iaitu tempat tumpah darah sendiri

### **Unit 3 : Kerohanian**

1. Kerohanian - asas dalam kehidupan individu

### **Unit 4 : Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat**

1. Maklumat palsu - maklumat yang disebarkan tanpa kesahihan serta bukti yang sah

## **Unit 5 : Integriti Organisasi**

1. Integriti organisasi - pematuhan amalan terbaik berdasarkan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja
2. Asas organisasi mantap - sistem tadbir urus yang baik, telus & adil

## **Unit 7 : Berperikemanusiaan**

1. Kesejahteraan global - suasana aman dan makmur dari segi keselamatan, jaminan makanan, kesihatan dan kelestarian global
2. Tonggak jaminan makanan - ketersediaan, kestabilan & akses
3. Jaminan makanan - situasi apabila setiap individu memiliki akses ekonomi dan fizikal ke atas makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat untuk hidup yang aktif dan sihat sepanjang masa

## **Unit 8 : Penglibatan Diri Peneraju Komuniti**

1. Penglibatan diri dalam komuniti - tindakan sukarela yang memberikan peluang kepada individu untuk memikul tanggungjawab kemasyarakatan

## **Unit 10 : Pengurusan Kewangan Secara Beretika**

1. Pengurusan kewangan - tindakan merancang pendapatan dan perbelanjaan secara berhemat dalam kehidupan harian agar segala keperluan dan kehendak dapat dicapai secara efisien.

## **Unit 12 : Malaysia Dalam Hubungan Antarabangsa**

1. Hubungan antarabangsa - pertalian dan interaksi antara negara di dunia